

# BULETIN SUMBER MANUSIA

Edaran terhad untuk kakitangan Kumpulan PKNP sahaja

Keluaran Julai - Disember 2004

## Mesej dari Ketua Eksekutif

Selaras dengan konsep kursus induksi langkah ke arah pementapan etika dan ini yang menggabungkan integriti dalam perkhidmatan awam. pembelajaran secara fizikal dan Semua ini akan membolehkan spiritual melalui aktiviti pengukuhan Malaysia melangkah ke hadapan untuk kumpulan, ketahanan fizikal, riadah, mencapai cita-cita menjadi sebuah tazkirah dan kecemerlangan masyarakat maju menurut acuan organisasi, adalah diharapkan anggota sendiri serta membinanya menjadi pekerja PKNP dapat menjadi insan lebih cemerlang, gemilang dan yang lengkap dunia dan akhirat. Selain terbilang, sejajar dengan hasrat dari itu adalah diharapkan agar semua Kerajaan Malaysia di bawah anggota pekerja termasuk barisan kepimpinan YAB. Dato' Seri Abdullah pengurusan PKNP supaya sama-sama Ahmad Badawi, Perdana Menteri dapat menghayati himpunan nilai-nilai Malaysia yang kelima, teras iaitu amanah, benar, bijaksana, adil, telus dan bersyukur sebagai



*Petikan ucapan perasmian Ketua Eksekutif PKNP semasa Kursus Induksi Khusus, di Suria Cherating Beach Resort pada 9 September 2004*

## PKNP tuan rumah peperiksaan PTK

PKNP telah menjadi tuan rumah bagi peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi tahun 2004. Calon yang menduduki peperiksaan adalah daripada PKEN, Jabatan Pembangunan Koperasi dan Perbadanan Kraftangan & Kesenian Malaysia dari Negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang. Peperiksaan PTK yang dikendalikan oleh PKNP ialah pada tarikh dan gred jawatan berikut :

25 November 2004	- Gred N17, W17 & J17
7 & 8 Disember 2004	- Gred N32, E32, W32 & J36
9 Disember 2004	- Gred N27, W27 & J29

Human Resource is our best asset, we care most about our best asset

# PKNP raikan 3 orang pesara

Pada 15 Disember 2004 yang baru lalu, PKNP meraikan tiga orang yang bersara wajib pada usia 56 tahun. Mereka terdiri daripada Haji Hashim Salleh, Haji Abdul Ghani Sulaiman dan Mahusin Sulaiman. Majlis meraikan mereka diadakan di Tingkat 16, Kompleks Teruntum, Kuantan dengan dihadiri oleh Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, Pengurus-pengurus Bahagian/Unit, anggota pekerja PKNP dan Pasdec Resources Sdn. Bhd.

Mulai 2 September 1995, Haji Hashim dipinjamkan ke BCIC Holdings Sdn. Bhd. sehingga ke tarikh pesaraan wajib pada 30 Disember 2004 setelah berkhidmat selama 22 tahun 29 hari. Di dalam tempoh tersebut, beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N48 berkuatkuasa 01 Disember 2002.



Haji Hashim Salleh

Manakala Mahusin Sulaiman mula berkhidmat di PKNP sebagai Pemandu Kenderaan Bermotor sementara pada 01 April 1992. Setahun kemudian, perkhidmatan sementara tersebut ditamatkan dan beliau dilantik semula melalui anak syarikat, Pascorp Holdings Sdn. Bhd. serta dipinjamkan ke PKNP pada 01 April 1993. Semenjak Jaga terdahulu iaitu Allahyarham Awang Ismail meninggal dunia pada 18 April 1999, Mahusin menjalankan tugas tersebut disamping melaksanakan tugas-tugas pemandu. Beliau telahpun menamatkan perkhidmatan di PKNP pada 14 November 2004 setelah berkhidmat selama 13 tahun 7 bulan dan 12 hari.



Anggota pekerja menjamu selera

Haji Hashim Salleh mula berkhidmat di PKNP pada 01 Disember 1982 sebagai Pegawai Tadbir. Sepanjang perkhidmatan di PKNP, Haji Hashim pernah ditugaskan sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi PKNP di Pejabat Menteri Besar, dipinjamkan sementara ke Yayasan Pahang dan ditempatkan sementara di Unit Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Sementara, Haji Abdul Ghani Sulaiman dilantik sebagai Pemandu Alat Jentera di PKNP bermula 01 Februari 1977. Beliau memegang jawatan tersebut sehingga ke hari persaraan wajib beliau berkuatkuasa 24 Disember 2004 menjadikan tempoh keseluruhan perkhidmatannya di PKNP selama 27 tahun 10 bulan 23 hari.



Haji Abdul Ghani Sulaiman



Mahusin Sulaiman

Mulai 01 Disember 2004, Mahusin telah menerima tawaran kontrak untuk perkhidmatan kawalan keselamatan di PKNP bagi tempoh satu tahun.

Sebagai menghargai khidmat kesemua pesara tersebut, PKNP telah menghadihkan mereka sijil pesaraan, pakej umrah RM3,000 setiap seorang dan award tunai gantian cuti rehat.

# Kursus Induksi Khusus

Pada 9 - 11 September 2004, PKNP telah mengadakan Kursus Induksi Khusus secara 'in-house' di Suria Cherating Beach Resort, Kuantan. Kursus yang dihadiri oleh 36 orang anggota pekerja lantikan tetap PKNP ini adalah bertujuan untuk memenuhi syarat pengesahan jawatan di samping meningkatkan motivasi dan menerapkan nilai-nilai murni anggota pekerja tersebut. Kursus

ini turut menggabungkan pembelajaran secara fizikal dan spiritual. Oleh itu, kursus ini dipenuhi dengan aktiviti pengukuhan kumpulan, ketahanan fizikal, riadah, tazkirah, kecemerlangan organisasi, etika dan nilai-nilai murni. Kursus ini telah dirasmikan oleh Pengurus Pentadbiran dan Sumber Manusia, Khalijah Abdul Malek dan diikuti



Ketua Eksekutif PKNP menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta kursus

dengan ceramah Pelan Integriti Nasional oleh Haji Mustafa bin Haji Ali, Timbalan Presiden Institut Integriti Malaysia. Di akhir kursus, majlis penutupan dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Ketua Eksekutif PKNP, Dato' Haji Lias Mohd Noor. Kursus ini telah dikendalikan oleh penceramah daripada Southern Adventure & Consultancy, Selangor.

## Audit Penilaian Semula SIRIM

Pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd. telah melakukan Audit Penilaian Semula ke atas Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) PKNP pada 13 & 14 Disember 2004. SIRIM telah diwakili oleh Puan Hawa binti Maarof dan Encik Roslan bin Hashim. Pengauditan dilakukan ke atas Bahagian Pembangunan Projek, Bahagian Pembangunan Usahawan, Bahagian Pembangunan Industri & BIM, Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia dan Pejabat Ketua Eksekutif ( Perhubungan Awam ). Pengauditan tersebut mendapati bahawa SPK PKNP telah diselenggara dengan baik di mana hanya dua ketidakpatuhan minor dan tujuh pemerhatian ditemui.



Pengerusi majlis sedang mengalu-alukan kehadiran peserta-peserta kursus

## Keputusan Pertandingan ISO Corner

Sempena Audit Penilaian Semula SPK PKNP, Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia selaku Sekretariat ISO telah menganjurkan Pertandingan ISO Corner sepanjang bulan Oktober hingga November 2004. Setelah pengadilkan dibuat, bahagian yang telah memenangi pertandingan tersebut ialah :

- |         |                                     |
|---------|-------------------------------------|
| Pertama | Bahagian Pembangunan Projek         |
| Kedua   | Bahagian Pembangunan Usahawan       |
| Ketiga  | Bahagian Pembangunan Industri & BIM |

BSM merakamkan ucapan taniah kepada bahagian yang berjaya dan semoga bahagian berkenaan dapat terus menyelenggara dan mengekalkan sudut tersebut.

## Ungkapan Bestari

Ada dua orang yang paling gagal dalam hidup, orang yang tidak cekap membuat apa yang disuruh, dan orang yang hanya membuat apabila disuruh.

# berita bergambar

## Kursus Induksi Khusus



Ceramah Pelan Integriti Nasional.... disampaikan oleh Timbalan Presiden Institut Integriti Malaysia



Ahli Pasukan Pelan Integriti PKNP turut hadir sesi ceramah



Beriadah... salah satu aktiviti yang diadakan



Aktiviti memanah..... membina kekuatan dalaman



" Best of the best " aktiviti memanah



" Bila Diri Disayangi "merapatkan ukhwah antara peserta



Beri tumpuan ... tazkirah selepas solat berjemaah



Ketua Eksekutif PKNP turut hadir di majlis makan malam bersama peserta kursus



Tuah badan.... salah seorang peserta yang memenangi hadiah cabutan bertuah



Menjamu selera... peserta-peserta kursus sedang menikmati hidangan yang disediakan



Tunjuk bakat... antara acara Majlis Makan Malam



Untuk album... bergambar sebelum berpisah

## KURSUS ANJURAN PIHAK LUAR

1.	Kursus 'Secure E-Filing Of Borang C'	15 Julai 2004	1. Dwi Soezailyn Ahmad
2.	Kursus Penyelenggaraan Bangunan Untuk Kerja-Kerja Awam, Mekanikal & Elektrik	17 - 19 Julai 2004	1. Abdul Majid Muda 2. Rosli Din
3.	Kursus A One Day Intensive Legal Course On Leases And Tenancies Law	26 Julai 2004	1. Azni Azikin Ahmad
4.	Seminar On The Malaysia Construction Sector Review 2003 And Outlook	3 Ogos 2004	1. Mohd Razif Abdul Malek
5.	Kursus Mengkatalog dan Mengkelas Bahan-Bahan Maklumat	10 - 12 Ogos 2004	1. Sadih Abu Bakar
6.	Seminar Pentadbiran dan Pengurusan	14 Ogos 2004	1. Noraini Misran
7.	Seminar Peluang-Peluang Perniagaan Dan Pembiayaan Strategik 2004	8 Sept 2004	1. Rasli Jamil
8.	Kursus New Governance Partnership Mandate	27 & 28 Sept 2004	1. Haji Zaiaami Aman
9.	Invitation To The International Seminar On Halal Food And Product	28 - 30 Sept 2004	1. Nasry Kassim
10.	Kursus Pemanduan Berhemat Pemandu-Pemandu Jabatan Kerajaan	5 - 6 Okt 2004	1. Mohd Rozaimie A. Rahman 2. Jamsari Mohamad
11.	Kursus Kanun Tanah Negara 1965	11 Okt 2004	1. Azni Azikin Ahmad
12.	Invitation To Participate At 3rd National Conference On Key Performance Indicators	11 - 12 Okt 2004	1. Khalijah Abdul Malek
13.	Kongress Pemupukan Jati Diri Dan Patriotisme Dalam Menghadapi Era Globalisasi	29 - 30 Nov 2004	1. Hj. Abd Malek Abd. Jamal 2. Mohamed Saudi Mohd Idris 3. Norliza Mohd Zain 4. Talib Pendek 5. Saadon Mohamad 6. Azni Azikin Ahmad 7. Liza Omar 8. Mai Kelesum Ahmad 9. Zarina Ismail

### KURSUS INDUKSI UMUM

#### **Sanctuary Resort Cherating 1 -7 Disember 2004**

1. Jamsari Mohamad

#### **Institut Tadbiran Awam Negara, Kemaman 28 Nov - 11 Dis 2004**

1. Fatimah Abu Samah  
2. Faridah Arshad

### KURSUS KENEGARAAN

#### **PLP Rompin ( 2-6 Disember 2004 )**

1. Baharudin Ismail

#### **Tamu Kami, Balok ( 9-13 Dis 2004 )**

1. Mustaffa Abas

#### **Seri Malaysia, Kuantan ( 9-13 Dis 2004 )**

1. Saadon Mohamad

#### **Agro Semuji, Kuantan ( 9-13 Dis 2004 )**


1. Mohd Raffi Embong

# Baharum Dalam Kenangan

"Puan Shikin, how's En. Baharum?" tanya Miss Tim kepada Penasihat Undang-Undang PKNP yang baru saja balik dari melawat rakan akrabnya itu di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan.

"Not good, the doctor said the internal stroke is almost complete", jawab beliau dengan wajah yang sugul. Dari air muka dan cara jawapannya itu sudah terasa tidak sedap di hati.

Lima hari kemudian, pada hari Rabu tanggal 18 Ogos 2004 jam 5.10 pagi, Baharum Lajim, telah kembali kerahmatullah akibat penyakit Severe Septicaemia with Septicaemic Stroke di usia 52 tahun. Di pagi yang tenang itu, aktiviti Kumpulan PKNP seolah-olah terhenti apabila berita pemergian Allahyarham diumumkan. Hampir seluruh warga Kumpulan PKNP berkumpul di Masjid Saidina Omar Al-Khatib, Cenderawasih, Kuantan di mana jenazah



disempurnakan. Solat jenazah bagi Allahyarham turut disertai oleh Menteri Besar Pahang yang juga Pengerusi PKNP, Ketua Eksekutif, Pengurus-pengurus Bahagian, Pengurus-pengurus syarikat anak dan lain-lain anggota pekerja Kumpulan PKNP. Jenazah Allahyarham telah disemadikan di Temerloh Pahang selepas solat Zohor pada hari yang sama.

Allahyarham dilantik sebagai Pengurus Kewangan PKNP bermula Februari, 1992. Sebelum berkhidmat di PKNP Allahyarham pernah menjadi Akauntan di Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kuala Lumpur dari 1983 hingga Januari 1992.

Pada tahun 2000, Allahyarham dianugerahkan Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia - Peringkat Keempat Ahli Mahkota Pahang (A.M.P.) oleh KDYMM Sultan Pahang. Sewaktu berkhidmat di PKNP, Allahyarham juga merupakan Pengarah kepada anak-anak syarikat Kumpulan PKNP, termasuk Pasdec Resources Sdn. Bhd., Pure Portfolio Sdn. Bhd., Pascorp Holdings Sdn. Bhd.

Astana Golf Resort Berhad, Astana Golf Resor Management Services Sdn Bhd., KCG Industries Sdn Bhd., Rumpun Timur Sdn Bhd., BCIC Holdings Sdn Bhd., BIM Land Sdn. Bhd. dan Pasdec Resources South Africa Limited. Selain dari itu, Allahyarham juga adalah Pengerusi Pengurusan Perbadanan Kompleks Teruntum dan Koperasi PKNP Berhad.

Allahyarham meninggalkan seorang balu dan dua orang anak angkat. BSM merakamkan ucapan takziah kepada seluruh keluarga Allahyarham serta mendoakan agar rohnyanya dicucuri rahmat.

## Perletakan Jawatan

Ruzana Ibrahim, Penolong Akauntan di Unit Kawalan Pelaburan, PKNP telah meletakkan jawatan berkuatkuasa 01 Disember 2004 kerana mengikut suami bertukar ke Lembah Klang.

BSM mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas khidmat yang telah disumbangkan.

## Menimang Cahayamata

- Mohd Razif Abdul Malek**  
Muhammad Jamiel Qhaier - 06.11.2004
- Rahmat Hussin**  
Jazmina Aishah - 17.11.2004

## Perlantikan Baru

**Azis Muhamad**  
Pegawai Tadbir Sambilan  
Pembangunan Projek  
03 Ogos 2004



## Kenaikan Pangkat

Seramai 4 orang Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir Gred N17 berkuatkuasa 01 Julai 2004. Mereka yang terlibat adalah seperti berikut :

**Rohaya Osman**  
Bahagian Kewangan

**Siti Anisah Othman**  
Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia

**Pauziyah Othman**  
Bahagian Pembangunan Usahawan

**Zarina Ismail**  
Unit Perancangan Strategik

BSM merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka di atas perlantikan tersebut.

### Editorial

#### Penasihat

Dato' Haji Lias Mohd. Noor

#### Ketua Pengarang

Khalijah Abdul Malek

#### Penyunting

Norliza Mohamad Yusof

#### Pengarang

Fatimah Abu Samah  
Norliza Mohamad Yusof

#### Rekabentuk

Wan Mohd. Wan Sulaiman  
Rosmina Latiff  
Fadiia Abdul Khalid

#### Jurufoto

Iskandar Abdul Samad